



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

KELANGSUNGAN PERUSAHAAN GOLONGAN SASAR SEKTOR AGROMAKANAN YANG TERJEJAS DIJAMIN MELALUI DANA BANGKIT SEMULA KELUARGA AGRO BERJUMLAH RM100 JUTA

JELEBU, 30 DISEMBER 2021: MAFI memperkenalkan dana berjumlah RM100 juta di bawah Dana Bangkit Semula Keluarga Agro bagi membantu meringankan bebanan kumpulan sasaran yang terkesan akibat banjir yang melanda negara baru-baru ini.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, pihak MAFI telah mengambil langkah proaktif, di mana kita akan asingkan 30 peratus daripada peruntukan beberapa program dan inisiatif yang telah diolah oleh MAFI bagi tahun 2022 untuk membantu pengusaha-pengusaha dalam sektor agromakanan yang terjejas akibat banjir.

“Jumlah keseluruhan yang diasingkan di bawah beberapa program dan inisiatif ini adalah sebanyak RM100 juta di mana kita akan memberi keutamaan kepada pengusaha dan golongan sasaran merentasi semua subsektor agromakanan yang terjejas.

“Antara program-program di bawah dana ini merangkumi Geran Agropreneur Muda, Geran Agropelancongan, Tabung Bencana Agromakanan, Dana Pembiayaan Mudah (*Soft Loan*) di bawah Agrobank, Geran Pamadanan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Inisiatif MAFI Prihatin Perniagaan, Program Subsidi Baja Pertanian, Program Ladang Kontrak dan Program Rezeki Tani” katanya.

Langkah proaktif ini adalah sebagai pemangkin kepada pemulihan perniagaan golongan sasaran sektor agromakanan sekaligus menjamin kelangsungan perusahaan masing-masing yang telah terjejas dan memperkukuh rantaian nilai agromakanan di setiap peringkat.

Dalam pada itu, Dr Ronald berkata, sektor agromakanan juga akan mendapat manfaat daripada Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bernilai RM1.4 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di mana pihak MAFI akan menyelaras data-data kerugian bagi memastikan mangsa-mangsa banjir di bawah sektor ini mendapat bantuan yang sewajarnya.

“Secara keseluruhannya berdasarkan kepada laporan yang kita terima setakat ini, jumlah keseluruhan anggaran kerugian melebihi RM63 juta melibatkan lebih 4,700 pengusaha untuk semua subsektor agromakanan termasuk perikanan, akuakultur, penternakan, tanaman dan sebagainya,” jelas Dr Ronald.

Menurut beliau, MAFI masih dalam proses mendapatkan data-data kerosakan dan kerugian melalui pelbagai jabatan dan agensi di mana jumlah kerugian ini dijangka akan meningkat.

“Jabatan dan Agensi di bawah MAFI akan memastikan semua perusahaan dan perniagaan yang terjejas akan dibangunkan semula dalam usaha menjamin sekuriti makanan negara yang menjadi keutamaan MAFI,” kata Dr Ronald.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Projek Perikanan dan Veterinar di Kampung Chennah dan Kampung Esok, Jelebu yang terjejas akibat bencana banjir, hari ini.

YB Menteri MAFI sempat melawat kolam KGC Eco Resort Trading dan Syarikat A One Aquaculture di Kampung Chennah yang telah terjejas.

Manakala, lawatan Dr Ronald ke Kampung Esok mendapati beberapa perusahaan udang galah di kawasan tersebut termasuk Syarikat ES Agro Farm Sdn Bhd yang menternak lembu pedaging, kambing dan rusa di tanah seluas 50 ekar turut terjejas.

Dr Ronald juga telah menyampaikan bakul makanan di bawah inisiatif MAFI Prihatin kepada semua pengusaha ladang yang dilawat.

MAFI melalui DOF akan menyalurkan bantuan kepada pengusaha akuakultur yang terkesan dalam bentuk input ternakan seperti benih ikan, makanan ikan dan peralatan ternakan berdasarkan kadar tertentu.

Turut hadir dalam lawatan ini, YBhg Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI); YB Dato' Haji Bakri Bin Sawir, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Asas Tani; Dato' Dr. Norlizan Bin Mohd Noor, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Tuan Haji Mohd Sufian Bin Sulaiman.

Berdasarkan kepada rekod, N.Sembilan sahaja mencatatkan seramai 47 orang penternak akuakultur terjejas banjir dengan anggaran kerugian sebanyak RM 13.5 juta meliputi kematian ikan, kerosakan peralatan, kos selenggara sistem ternakan, makanan, benih dan input peralatan. Manakala, Negeri Pahang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 135 penternak akuakultur dengan anggaran kerugian sekitar RM680,000.

Secara keseluruhannya, seramai 243 orang penternak akuakultur dari seluruh negara telah terjejas akibat bencana banjir dengan anggaran kerugian sebanyak RM 18.8 juta.

MAFI berharap agar Dana Bangkit Semula Keluarga Agro serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dapat membantu para petani, peladang, nelayan dan penternak serta pengusaha agromakanan yang terjejas dalam meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing sekaligus memberikan sumber pendapatan yang mampan.

MAFI akan terus mengambil segala tindakan dan usaha bagi memastikan kepentingan kumpulan sasar sektor agromakanan serta sekuriti makanan bagi Keluarga Malaysia secara keseluruhannya terus terjamin.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
30 DISEMBER 2021